

26 MAR 2002

Ketari-Sungai Dua

PENDUDUK KG SUNGAI DUA GEMBIRA DAPAT JAMBATAN BARU

BENTONG, 26 Mac (Bernama) -- Lebih 3,000 penduduk Kampung Sungai Dua dan kawasan sekitarnya berterima kasih kepada kerajaan pusat yang meluluskan peruntukan segera RM1.7 juta bagi pembinaan jambatan simen menggantikan jambatan bailey (gantung) di kampung itu.

Ketua kampung berkenaan, Wong Ping Sang berkata jambatan itu yang menghubungkan kampung itu dengan beberapa buah kampung sekitarnya, juga menjadi laluan kepada kanak-kanak ke sekolah.

"Kerajaan BN adalah sebuah kerajaan mantap dan bertanggungjawab membela nasib rakyat dan saya mewakili penduduk kampung ini mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sebagai balasannya kami berjanji akan memberikan undi kepada calon BN pada pilihan raya kecil Ketari Ahad ini," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Minggu lepas anggota Parlimen Bentong Liow Tiong Lai mengumumkan peruntukan itu semasa mengadakan perjumpaan dengan penduduk kampung itu.

Jambatan bailey berusia 10 tahun itu menjadi penghubung antara penduduk kampung Sungai Dua dengan penduduk kampung-kampung lain di sekitarnya seperti kampung Sungai Dua Timur dan Kampung Sungai Dua Barat.

Sementara itu, Liow ketika dihubungi Bernama berkata tender bagi jambatan itu akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Sungai Dua adalah antara 10 daerah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari.

Pilihan raya kecil DUN Ketari akan diadakan pada 31 Mac ini melibatkan pertandingan antara calon Barisan Nasional (BN) Yum Ah Ha dan calon DAP Choong Siew Onn.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Loke Koon Kam pada 3 Mac lepas kerana penyakit barah rahang.

- BERNAMA

HM MS RHM